

# PM hargai sumbangan bekas Ketua Polis Negara

KUALA LUMPUR 7 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini merakamkan penghargaaanya terhadap bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Omar di atas jasa dan khidmatnya dalam Polis Diraja Malaysia" (PDRM).

Beliau yang melahirkan rasa bangga kerana Mohd. Bakri bersara dalam jawatan tertinggi PDRM berkata, ia merupakan satu rekod yang cemerlang setelah begitu lama berkhidmat dalam pasukan keselamatan itu.

"Sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Perdana Menteri, saya berterima kasih dan memberi penghargaan tertinggi atas jasa yang diberikan dan juga sikapnya yang sentiasa menunjukkan beliau (Bakri) yang pada PDRM yang dianggotainya sekian lama.

"Beliau sentiasa hadir dalam perbincangan, memberi idea untuk menjayakan usaha memperkasakan PDRM," kata beliau.

Abdullah berkata demikian dalam ucapan di Majlis Berbuka Puasa dan Meraikan Persaraan Tan Sri Mohd. Bakri Omar di Dewan Masjid Bukit Aman di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Mohd. Bakri serta pegawai-pegawai tertinggi PDRM.

## Diteruskan

Perdana Menteri berkata, walaupun Mohd. Bakri telah bersara tetapi beliau percaya segala cadangan yang belum dilaksanakan pastinya akan diteruskan oleh penggantinya.

"Saya juga mengalu-alukan pelantikan Musa, bak kata pepatah kita, patah tumbuh hilang berganti." kata beliau.

Beliau menambah, PDRM adalah satu badan kerajaan yang terlibat dalam semua aktiviti dan rancangan kerajaan dalam pelbagai acara sambutan

sama ada dalam negeri dan luar negara. • •

Ini katanya, termasuklah seperti mengawal keselamatan semasa persidangan antarabangsa yang berlangsung di dalam negara.

"Semua ini merupakan satu kegiatan yang kerajaan menghargainya dan kerajaan mengucapkan terima kasih kepada PDRM," kata Abdullah.

Sehuburigan itu, beliau mendoakan agar Mohd. Bakri tidak berhadapan dengan masalah yang timbul selepas bersara dan dikurniakan kesihatan yang baik.